

# Ajaran sesat tak dikawal ancam keselamatan

**K**ita rasa terkilan apabila ajaran sesat masih berlaku dalam masyarakat. Pembunuhan seorang pegawai agensi agama membuktikan mereka sanggup mengganas semata-mata bimbang ajaran sesat mereka terjejas.

Kesetiaan ahli kepada pemimpin dan sikap jumud mendorong ajaran sesat mendapat perhatian ramai.

## Tubuh sistem pengajian sendiri

Kumpulan Tuhan Harun bukan saja merosakkan akidah, bahkan mengancam keselamatan awam. Mereka menubuhkan sistem pengajian sendiri mirip sukatan pelajaran di universiti serta mewujudkan beberapa pertubuhan dengan tujuan mengutip dana.

Ketua ajaran tersebut, Harun Mat Saat dikesan menyebarkan sistem pengajian dikenali sebagai 'Universiti Universal Overhead God' kepada lebih 300 pengikutnya.

**“  
Apabila azan berkumandang, pengikut ajaran sesat itu semakin rancak mengalunkan muzik keras sambil terlompat-lompat menyanyi serta menari”**

Harun membahagikan pengikutnya kepada tiga peringkat pengajian iaitu 'pengambilan baru' untuk pengikut baru, 'doktorat' untuk pengikut pertengahan dan *Doctor World of God* yang dikatakan setaraf PhD.

Harun juga disyaki mewujudkan beberapa pertubuhan digunakan bertujuan mengutip derma bagi mengumpul dana kewangan.

Antara ritual mereka setiap hari ialah bermain muzik atau 'jamming' lagu berentak rock menjelang Maghrib dan menyanyi lagu yang liriknya memuja ketua kumpulan dikenali sebagai 'Tuhan Harun'. Apabila azan berkumandang, pengikut ajaran sesat itu semakin rancak mengalunkan muzik keras sambil terlompat-lompat menyanyi serta menari.

## Didakwa 11 pertuduhan

Untuk rekod, pada 24 April lalu, Harun didakwa di Mahkamah Syariah Kuantan atas 11 pertuduhan termasuk menyebarkan ajaran sesat dan menghina agama Islam dengan mengaku sebagai Tuhan.

Harun yang hadir di mahkamah dengan pakaian seragam lokap polis berwarna ungu mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mohd Yusof Ab Ghani atas pertuduhan mengamalkan ajaran sesat sejak Februari lalu.

Kita harap rakyat berhati-hati dengan ajaran sesat. Buat laporan polis jika ada kumpulan yang menyesatkan pemikiran ramai.

**Wan Anis Adibah Wan Nasri**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)